



26 Jun 2020
26 June 2020
P.U. (A) 190

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT (FI BAGI UJIAN PENGESANAN PENYAKIT KORONAVIRUS 2019 (COVID-19)) 2020

PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES (FEE FOR CORONAVIRUS DISEASE 2019 (COVID-19) DETECTION TEST) REGULATIONS 2020

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988

PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT
BERJANGKIT (FI BAGI UJIAN PENGESANAN PENYAKIT KORONAVIRUS 2019
(COVID-19)) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 31(2)(p) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Fi bagi Ujian Pengesanan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 29 Jun 2020.

Tafsiran

2. (1) Dalam Peraturan-Peraturan ini, “COVID-19” ertinya Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19).

(2) Sebutan tentang “hospital kerajaan” dalam Peraturan-Peraturan ini termasuklah klinik Kerajaan dan institut perubatan yang diisytiharkan oleh Kerajaan sebagai suatu Institut Perubatan Persekutuan.

Fi

3. (1) Mana-mana warganegara atau orang asing yang memasuki Malaysia dari luar negara hendaklah membayar fi yang dinyatakan dalam ruang (2) atau (3) Jadual, mengikut mana-mana yang berkenaan, berhubung dengan jenis ujian pengesanan COVID-19 yang dinyatakan dalam ruang (1) sebagaimana yang ditentukan di bawah peraturan 4 sebelum mendapatkan pelepasan imigresen di mana-mana pintu masuk.

(2) Mana-mana warganegara atau orang asing yang berada di Malaysia boleh meminta untuk menjalani ujian pengesanan COVID-19 di mana-mana hospital Kerajaan atau mana-mana tempat yang ditentukan oleh Ketua Pengarah sebagai tempat menjalankan ujian pengesanan COVID-19, dan hendaklah membayar fi yang dinyatakan dalam ruang (2) atau (3) Jadual, mengikut mana-mana yang berkenaan, berhubung dengan jenis ujian pengesanan COVID-19 yang dinyatakan dalam ruang (1) sebagaimana yang ditentukan di bawah peraturan 4.

Penetapan jenis ujian pengesanan

4. Penentuan jenis ujian pengesanan COVID-19 hendaklah dibuat oleh Ketua Pengarah.

Penepian fi

5. Menteri boleh, menurut budi bicaranya, dalam mana-mana hal tertentu, mengenepikan keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana fi yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL [Peraturan 3]

FI BAGI UJIAN PENGESANAN COVID-19

(1) Jenis Ujian Pengesanan COVID-19	(2) Warganegara (RM)	(3) Orang Asing (RM)
Tindak balas berantai polimerase	150	250
Kit ujian pantas antigen	60	120
Kit ujian pantas antibodi	30	60

Dibuat 26 Jun 2020
[KKM.600-29/4/146 Jld.2; PN(PU2)470/III]

DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA
Menteri Kesihatan

PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES ACT 1988

PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES
(FEE FOR CORONAVIRUS DISEASE 2019 (COVID-19) DETECTION TEST)
REGULATIONS 2020

IN exercise of the powers conferred by paragraph 31(2)(p) of the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 [Act 342], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Prevention and Control of Infectious Diseases (Fee for Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) Detection Test) Regulations 2020**.

(2) These Regulations come into operation on 29 June 2020.

Interpretation

2. (1) In these Regulations, “COVID-19” means Coronavirus Disease 2019 (COVID-19).

(2) The reference to “Government hospital” in these Regulations includes Government clinics and medical institutions declared by the Government as Federal Medical Institution.

Fee

3. (1) Any citizen or foreigner entering Malaysia from overseas shall pay the fee specified in column (2) or (3) of the Schedule, as the case may be, relating to the type of COVID-19 detection test specified in column (1) as determined under regulation 4 before proceeding for immigration clearance at any point of entry.

(2) Any citizen or foreigner in Malaysia may request to undergo COVID-19 detection test at any Government hospital or any place as determined by the Director General to be a place to undergo COVID-19 detection test, and shall pay the fee specified in column (2) or (3) of the Schedule, as the case may be, relating to the

type of COVID-19 detection test specified in column (1) as determined under regulation 4.

Determination of type of detection test

4. The determination of the type of the COVID-19 detection test shall be made by the Director General.

Waiver of fee

5. The Minister may, in his discretion, in any particular case, waive wholly or in part any fee specified in the Schedule.

SCHEDULE

[Regulation 3]

FEE FOR COVID-19 DETECTION TEST

(1) Type of COVID-19 Detection Test	(2) Citizen (RM)	(3) Foreigner (RM)
Polymerase chain reaction	150	250
Antigen rapid test kit	60	120
Antibody rapid test kit	30	60

Made 26 June 2020
[KKM.600-29/4/146 Jld.2; PN(PU2)470/III]

DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA
Minister of Health